

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENYATAAN KAJIAN

Pemikiran politik merupakan satu kesatuan yang terjalin di antara idea, falsafah, doktrin, konsep dan juga teori tentang kewujudan institusi negara. Ertinya, di dalam kerangka yang lebih umum, pemikiran politik merangkumi pemikiran-pemikiran, teori-teori dan nilai-nilai yang merangsang dasar dan perlakuan politik. Ia termasuk teori-teori yang digunakan bagi menerangkan perlakuan politik dan mekanisme bagi mengaturnya (Lukman Thaib, 1999: 16).

Hakikatnya, pemikiran politik adalah lontaran idealisme seseorang tokoh atau pemikir politik untuk diketengahkan kepada masyarakatnya dalam proses pembentukan sebuah negara bangsa. Namun idealisme itu tidak semestinya mendapat perhatian atau diterima secara holistik oleh masyarakat terbanyak kerana idealisme alternatif sentiasa wujud sebagai pilihan terbaik. Kuasa memilih di tangan masyarakat. Mereka berhak

membuat pilihan berasaskan faktor-faktor dalaman atau luaran dari segenap aspek seperti persekitaran, tuntutan semasa, mahupun *mood* pada zamannya kerana proses penerimaan sesuatu idealisme politik itu sering dikaitkan dengan kehendak sosio-budaya, agama (kepercayaan) dan tahap pendidikan masyarakat.

Justeru kajian mengenai pemikiran politik tidaklah bersifat objektif tetapi sebaliknya lebih teoretik dan normatif¹ dengan menggunakan pendekatan berasaskan andaian-andaian yang dipercayai dan diterima oleh semua bangsa, agama dan masyarakat. Oleh itu segala kelemahan dan keburukan yang terdapat dalam sebuah masyarakat itu pasti dapat diatasi dengan adanya pemerintah yang mempunyai kualiti-kualiti tertentu. Sebaliknya ada pula yang beranggapan ia hanya dapat diatasi oleh rakyat sendiri dengan memperbaiki diri masing-masing berlandaskan beberapa prinsip yang ideal.

Pendekatan sosial kontrak (antara rakyat dengan pemerintah) seperti yang dinukilkan oleh Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu*, satu episod persetiaan antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun di Bukit Seguntang Mahamiru (W.G. Shellabear 1991: 20-21) adalah cara penyelesaian yang berasaskan prinsip *ideal* yang merupakan salah satu korpus pemikiran politik.

Dalam pada itu, pengucapan dan perbincangan mengenai pemikiran politik tidak hanya berlebar di dalam kepompong parti politik sahaja tetapi melampaui milieu politik itu sendiri, misalnya ia turut dibicarakan lewat karya-karya sastera terutamanya genre novel. Ini dapat dikesan melalui beberapa buah novel Melayu di Malaysia termasuklah karya

¹ Teoretik dan normatif di sini bermaksud pendorongan atau kesimpulan yang tidak semestinya berdasarkan kepada fakta atau data yang diperolehi secara sistematis dan objektif. Sebaliknya ia didasarkan kepada keyakinan dan kepercayaan tentang apa yang ditanggapi sebagai benar.

Ahmad Boestamam² yang begitu jelas mengungkapkan pemikiran politik kontemporari (sezaman).

Ahmad Boestamam merupakan tokoh politik radikal Melayu yang terkemuka di negara kita. Sejarah penonjolan keradikalannya bermula dengan pembabitan dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Angkatan Pemuda Insaf (API) sekitar tahun 1940-an sehingga beliau pernah ditahan dalam penjara di bawah Undang-undang Keselamatan Negara (1941-1942), di bawah undang-undang darurat (1948-1955) dan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau *Internal Security Act* (ISA) (1963-1964) selama kira-kira sembilan tahun kesemuanya. Pencapaiannya dalam kerjaya politik dilihat pada tahun 1959 apabila terpilih sebagai Ahli Parlimen Setapak atas tiket Parti Rakyat Malaya (PRM) selama empat tahun.

Rakaman cebisan perjuangan beliau telah diungkap dengan menarik sekali oleh Sasterawan Negara Usman Awang melalui puisinya bertajuk “Ahmad Boestamam – Putera Besar Tanah Air”. Antara petikan puisi tersebut menyebut seperti berikut:

Selama lebih dari 5,745 hari telah direbahkannya di dalam penjara, selama ribuan hari lagi dipikulnya dalam beban rasa dan kesulitan kehidupan bersama keluarga. Namun, tidak ada perkataan menyerah untuknya. Ahmad Boestamam-putera besar tanah air- adalah contoh dari suatu kegigihan dan API yang dinyalakannya dulu, kini telah menjadi unggul sejarah yang tidak kunjung padam (*Dewan Sastera*, April 1983: 53)

² Nama asal beliau ialah Abdullah Thani bin Raja Keehil. Tetapi di dalam penulisan sastera termasuk genre novel beliau banyak menggunakan nama pena; Ruhi Hayat. Menurutnya, nama pena tersebut diilhamkan daripada nama seorang bintang filem Melayu yang sangat diminatinya bernama Eloni Hayat (lihat *Memior Seorang Penulis* 1979: 50-51). Manakala nama Ahmad Boestamam berdasarkan nama seorang tokoh politik India iaitu Chandra Boes yang dikaguminya (lihat “Dari Nasionalis Ke Sosialis” *Sarina*, No. 23 Februari, hlm. 9-25). Nama Ahmad Boestamam akan digunakan dalam kajian ini kerana nama tersebut tidak asing dalam sejarah politik, kewarluwanan dan peraturan Malaysia.

Bait-bait puisi di atas dapat menggambarkan semangat juang beliau yang cukup kental dan tidak mengenal erti putus asa. Kegigihannya dalam politik partisan agak lama, antara tahun-tahun 1938 – 1967 yang penuh dengan ranjau berduri tetapi dilaluinya dengan tabah. Ahmad Boestamam sebenarnya menguasai tiga bidang kerjaya yang berbeza – politik, wartawan, sasterawan dan beliau tersohor kerana ketiga-tiganya. Dalam bidang politik, beliau amat yakin dan mempercayai konsep atau gagasan membela golongan marhaen.

Manakala sebagai pemidato yang disegani atau agitator, Ahmad Boestamam adalah orang pertama di negara ini yang berani melaungkan perkataan *Merdeka! Merdeka!* *Merdeku!* dalam kempen membebaskan tanah air dari cengkaman penjajah (Zabidin Hj. Ismail, 1996:20)

Pengalaman pahit-getir dalam perjuangan politik, kegiatan menuntut kemerdekaan negara dan gagasannya itu jelas terpancar lewat karya sastera yang dihasilkan dalam genre puisi, drama, cerpen, esei, memoir, autobiografi dan novel. Kenyataan ini turut diakuinya dalam sebuah rencana berjudul “Perginya Seorang Pejuang Gigih”, *Berita Harian*, 20 Januari 1983 dengan menyebut: “ bagi saya karya kreatif adalah jambatan kepada cita-cita politik yang saya perjuangkan. Apa erti sastera tanpa isinya?” Hal yang sama turut diakuinya dalam sebuah artikel beliau berjudul “Kegiatan Sastera dan Kegiatan Politik – Satu Pengalaman Peribadi” yang menyatakan begini:-

Tidak salah rasanya kalau saya tulis selama ini ada membawa mesej perjuangan politik, kepentingan bangsa, keadilan sosial, penentangan terhadap ketidakadilan dan seumpamanya. Saya merasakan ini sebagai tugas saya – tugas bersastera dan tugas berpolitik (*Imej dan Cita-cita*, 1981: 253).


Berlandaskan kepada pengalaman serta penglibatannya dalam bidang politik, Ahmad Boestamam cuba menterjemahkan pemikiran politik ke dalam novel-novelnya. Tentu sekali pemikiran politik yang selari dan serasi dengan keyakinan serta tidak bercanggah dengan prinsip yang sekian lama diperjuangkannya. Sehubungan itu, penampilan pemikiran politik tersebut dapatlah disimpulkan mengandungi tiga aspek berikut:

- i. Nasionalisme
- ii. Anti-kolonialisme
- iii. Sosialisme

Hipotesis ini dapat digambarkan melalui gambar rajah 1.1 di bawah ini yang memperlihatkan bahawa ketiga-tiga aspek pemikiran politik itu mempunyai perkaitan di antara satu dengan yang lain. Ia tidak terpisah malahan barangkali dipaparkan serentak dalam sesebuah novel melalui wacana naratif dan gaya penulisan yang sesuai dengan mesej yang hendak disampaikan kepada pembaca.

Kehadiran aspek-aspek tersebut dalam novel-novel Ahmad Boestamam disampaikan dalam bentuk mesej. Manakala pembentukan sesuatu mesej pula hasil gabungan unsur-unsur tertentu. Lantaran itu kehadirannya berselirat dan terselit dicelah-celah tema atau persoalan sesebuah novel. Ini bermakna pemikiran politik yang terkandung dalam novel-novel Ahmad Boestamam bukan merupakan tema atau persoalan utama sesebuah novel melainkan sebagai mesej yang ada kaitan dengan plot serta pengalaman watak-watak tertentu.

Rajah 1.1: Aspek-aspek Pemikiran Politik Ahmad Boestamam



Rajah 1.1 menunjukkan aspek pemikiran politik yang terpancar menerusi novel-novel Ahmad Boestamam. Aspek nasionalisme merupakan tunjang ataupun asas idealisme beliau yang bersifat membungkus dan “mengawal” sub-idealisme lain seperti anti-kolonialisme dan sosialisme. Justeru mesej nasionalisme agak dominan dipancarkan di dalam novel-novel beliau berbanding mesej anti-kolonialisme dan sosialisme. Walau bagaimanapun, kesemua idealisme ini difokuskan kepada topik utama iaitu perjuangan terhadap kemerdekaan tanah air yang bersifat pembelaan dan kepentingan golongan marhaen.

Ahmad Boestamam lebih tertarik membela masyarakat miskin dan daif kerana golongan elit dan bangsawan dikatakan menggunakan kedudukan, pendidikan serta *status quo* mereka untuk berkompromi dengan Inggeris dari segi mendapatkan kemerdekaan walaupun penjajah itu sendiri bertekad untuk berterusan menjajahi negara ini. Justeru beliau berjuang membebaskan Tanah Melayu daripada belenggu penjajahan dan menentang penjajah baik Inggeris mahupun Jepun melalui tiga bidang utama iaitu politik, kewartawanan dan penulisan sastera.

Apatah lagi ketiga-tiga bidang tersebut telah mendarah daging dalam jiwanya yang tabah, tegas dan gigih itu. Sasterawan Negara Kamaludin Muhammad (Kris Mas) dalam tulisannya bertajuk “Ahmad Boestamam Yang Jangan Dilupakan” memperakui bahawa darah senimanlah yang menjadikan Boestamam seorang pemimpin yang perasa dan juga yang menjadikan dia tidak menundukkan kepala atau mengalah dalam perjuangannya untuk bangsa dan tanah air walaupun dia sedar perjuangannya sudah berlalu (*Dewan Masyarakat*, Februari 1983:25).

Berkat ketabahan, ketegasan dan kegigihan Ahmad Boestamam dalam mengungguli ketiga-tiga bidang itu walaupun dalam tempoh waktu yang panjang, beliau bolehlah disifatkan sebagai aktor yang melakonkan sejarah bangsanya. Justeru keterlibatan Ahmad Boestamam dalam politik telah diakui oleh Ramlah Adam dengan menyebut:

Kepentingan AB dalam gerakan nasionalisme dan politik Malaysia tidak dapat diragukan. Beliau telah terlibat dalam kedua-dua aspek ini sejak tahun 1930-an sehingga tahun 1970-an; satu jangka masa yang begitu lama sekali. Beliau telah menggerakkan berbagai-bagai persatuan dan parti politik serta terlibat dalam berbagai-bagai episod politik yang penting dalam sejarah politik Malaysia. Dengan mengkaji peranannya, kita sebenarnya membaca sejarah politik Malaysia itu sendiri (*Ahmad Boestamam Satu Biografi Politik* 1994 : 383).

Rasional pemilihan novel-novel Ahmad Boestamam sebagai fokus kajian ini kerana sebilangan besar pengkaji dan penyelidik sastera Melayu menyifatkan percubaan beliau menggunakan novel secara *total* sebagai saluran penting bagi pengucapan politiknya (Abdullah Tahir 1988: 22) sesuatu yang amat dibanggakan. Lantaran itu harus ada usaha supaya dapat dibuktikan dalam bentuk kajian bercorak ilmiah dan akademik.

Tambahan pula berdasarkan sorotan sejarah perjuangan politik beliau agak relevan jika ada usaha serius menganalisis novel-novelnya yang dikatakan banyak mengandungi pemikiran politik yang berselindung di sebalik tabir fiksyen. Sekadar contoh, dapat dilihat dalam novel *Sorong Makan Tarik Makan* yang memperkatakan mengenai “sosialisme praktikal” sebagai ideologi Parti Murba (PAMUR) yang bakal ditubuhkan oleh protagonis Rusman dengan berlandaskan konsep sosialisme praktikal. Konsep ini adalah ideologi sosialisme yang disesuaikan dengan keadaan sesebuah negeri – kedudukan politik, sosial dan ekonomi (1966:58). Nyata sekali novel tersebut mempamerkan pemikiran politik.

Ahmad Boestamam di samping berpolitik juga memiliki bakat kepengarangan semula jadi. Beliau mahir mengarap fiksyen novel dengan memanipulasikan aspek-aspek kesusasteraan dalam usaha mengetengahkan idealisme politiknya. Buktinya, Abdullah Tahir menyebut bahawa daripada 14 buah novelnya dan beberapa buah novel autobiografi-nya, hampir semuanya terdapat unsur politik (*Dewan Sastera*, Julai 1988 :22). Pendapat Abdullah disokong oleh Kasmah Che Husin dalam Latihan Ilmiah (Universiti Malaya) bertajuk “Unsur-unsur politik dalam novel Ahmad Boestamam” yang mengklasifikasikan tiga unsur iaitu sangat kebangsaan, ideologi dan sosial & ekonomi telah mendominasi topik persoalan dalam novel-novel Ahmad Boestamam (1987: 135).

Namun demikian, tidak semua novel Ahmad Boestamam (*Ruhi Hayat*)³ yang termasuk dalam kategori novel politik *per se*, tetapi hanya setakat novel yang berunsur politik, bermakna politik tidak menjadi hal yang sangat dominan, kerana ia bercampur aduk dengan unsur-unsur lain tetapi masih ada kaitan dengan politik (Abdullah 1988: 21). Walau bagaimanapun hal ini tidak menjadi satu halangan, tetapi yang penting ialah usaha untuk membuat kajian secara ilmiah dan akademik harus dilakukan bagi kepentingan generasi akan datang agar mereka dapat mengetahui perjuangan membebaskan negara ini daripada belenggu penjajahan tidak hanya bergalaskan kudrat sebaliknya melebar kepada kepintaran minda melalui penulisan kreatif.

³ Kehanyakannya novel yang beliau hasilkan di dalam penjaru menggunakan nama pena tersebut.

1.1 BIDANG KAJIAN

Kajian ini bersifat tekstual dan kontekstual dengan memberi tumpuan khusus terhadap sepuluh buah novel Ahmad Boestamam⁴ di samping memberi penekanan terhadap pengalaman politik yang *related* untuk dijadikan sumber primer bagi melihat apakah pemikiran politik beliau selari dan dipraktikkan di luar teks. Teks novel-novel tersebut akan dianalisis dan dikupas bagi mencungkil dan mengesani kewujudan pemikiran politik Ahmad Boestamam yang dianggap sebagai seorang novelis-nasionalis tanah air yang ulung. Sepuluh buah novel tersebut dilipih secara rawak setelah meneliti kesemua 19 tajuk yang hasilkan oleh Ahmad Boestamam sekitar tahun 1956- 1976. Novel-novel terpilih akan disebut juga sebagai teks kajian. Ia mengandungi sejumlah 1245 halaman dan dua di antaranya bertulisan jawi.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Perbincangan, analisis dan kupasan akan dibataskan dan hanya tertumpu kepada persoalan-persoalan berikut:

- 1.2.1 Adakah wujud pemikiran politik; nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme dalam sepuluh buah novel yang dipilih?
- 1.2.2 Apakah unsur-unsur yang digunakan pengarang bagi membentuk mesej nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme?
- 1.2.3 Senario kemunculan nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme serta penglibatan pengarang dalam politik di negara ini dikatakan banyak membantu ke arah kehadiran pemikiran politik di dalam novel-novel Ahmad Boestamam?

⁴ Lihat Bibliografi hlm. 197

Ketiga-tiga persoalan kajian tersebut diangkat kerana relevan dengan pernyataan kajian dan akan dijadikan sebagai garis-pandu penyelidikan supaya kajian ini dapat mencapai objektif yang dinyatakan di bawah ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama; untuk memperlihatkan bahawa novel-novel Ahmad Boestamam memiliki pemikiran politik untuk tatapan dan fahaman politik kepada masyarakat sezaman. Kedua; mengenal-pasti, meneliti dan menilai aspek-aspek pemikiran politik yang terkandung di dalam novel-novel tersebut serta korelasinya dengan sejarah politik negara. Ketiga; bagi melengkapkan khazanah kajian mengenai Ahmad Boestamam kerana sebelum ini kebanyakan sarjana hanya cenderung menilai peranan beliau dalam sejarah politik negara sebaliknya meminggirkan sumbangannya dalam mengisi rentetan sejarah kesusastraan Melayu moden tanah air.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga pihak terbabit. Pertama, hasil kajian ini dapat membantu para penyelidik sastera atau sains politik bagi menambah sumber rujukan. Malahan hasil kajian ini boleh dijadikan asas kepada pengkajian yang lebih kritis dan mendalam mengikut keperluan dan kepentingan para penyelidik. Justeru kajian ini dapat diterima pakai sebagai kajian rintis terhadap pemikiran politik Ahmad Boestamam

yang terpancar dalam novel-novelnya⁵. Terdapat dua aspek intipati kajian yang boleh digunakan oleh para penyelidik iaitu novel politik sebagai saluran idealisme siasah bagi bidang sastera. Manakala aspek lain yang berkaitan dengan pemikiran politik pula untuk kajian sains politik.

Kedua, kajian ini akan menambah khazanah kesusasteraan Melayu moden yang berbentuk penulisan ilmiah terutama mengenai pemikiran politik dalam novel. Penambahan khazanah ini menjadi amat penting atas faktor kekurangan hasil kajian bercorak demikian. Ini dapat buktikan bahawa pada masa kini kebanyakan latihan ilmiah bagi peringkat sarjana muda dan disertasi sarjana masih menumpukan kepada kajian dalam aspek struktur dan sejarah perkembangan novel. Di sinilah terletaknya sasaran dan kepentingan kajian ini untuk mempelbagaikan aspek atau ruang lingkup kesusasteraan Malaysia khususnya di bidang kritikan sastera.

Ketiga, kajian ini berusaha mengisi kekosongan bentuk tulisan ilmiah yang berkaitan dengan pemikiran Ahmad Boestamam kerana selama ini kebanyakan para penyelidik lebih cenderung mengkaji sejarah perjuangan politik beliau sekaligus melupakan sumbangannya terhadap perkembangan idealisme politik zaman pra merdeka ketika masyarakat pada zaman itu sedang mencari-cari jalan terbaik dalam proses membentuk sebuah negara merdeka dan berdaulat.

⁵ Latihan Ilmiah (L.I) yang dihasilkan oleh pelajar Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (1979-2001) berjumlah 1020 naskah tetapi hanya sebuah yang mengkaji pemikiran politik Ahmad Boestamam (Tajuk: "Unsur-unsur Politik Dalam Novel Ahmad Boestamam" selesai 1986 oleh Kasmah Che Husin). Manakala tiada di peringkat tesis M.A dan Ph.D. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan (UKM) pula berjaya menghasilkan sejumlah 622 naskah (L.I) sepanjang sesi 1987-1998 namun hanya sebuah bertajuk "Pemikiran Politik Ahmad Boestamam" ditulis oleh Paridah Mamat (1987) dan sebuah lagi yang ada kaitan dengan topik perbincangan iaitu "Unsur-unsur yang mempengaruhi penghasilan novel-novel Ruhil Hayat" oleh Fatimah Mohd. Amin (1989). Sistuk ini menggambarkan berlaku kekosongan penyelidikan terhadap Ahmad Boestamam dan karya sastera, apatah lagi yang bersangkutan dengan pemikiran politik beliau.

1.5 DEFINISI ISTILAH

Dalam kajian ini terdapat tiga istilah utama yang wajar diperjelaskan maksud dan pengertiannya dengan tepat mengikut keperluan kajian. Istilah-istilah tersebut ialah:

1.5.1 Pemikiran Politik

Pemikiran ialah fikiran atau idea yang wujud daripada golongan intelektual yang telah menggunakan akalnya dalam memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakat yang melibatkan dirinya atau lingkungannya; dan pemikirannya itu disebarluaskan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau ke luar daripada masyarakatnya (S. Othman Kelantan, 1997: 8). Dan golongan intelektual itu telah menggunakan berbagai-bagai cara untuk menyebarkan fikiran atau ideanya. Dalam konteks kajian ini novel dilihat sebagai alat penyebaran pemikiran itu. Akan tetapi pengertian pemikiran yang terkandung dalam kajian ini hanya menjurus kepada hal-hal yang berkaitan dengan politik sahaja.

Pengertian politik pula adalah berkaitan dengan ilmu (pengetahuan) cara pemerintahan (*Kamus Dewan*, 1994:1049). Istilah politik adalah satu perkataan yang diambil dari bahasa Greek iaitu “polis” yang memberi erti “sebuah kota” atau *a city* (Abdul Rashid Moten, 1996 : 17). Pengertian umum “polis” bermaksud “pengurusan kengaraan”. Istilah tersebut ada persamaan dengan bahasa Latin yang menggunakan perkataan *politicos* atau *politica* yang memberi makna “pengurusan pemerintahan” atau politik (Lukman Thaib, 1999:6). Manakala David Eastone pula berpendapat politik: “*Is the arena in which binding social value are “allocated” that is, where competing prescriptive for public*

actions adjudicated and winning are translated into gains or rewards for certain group in the form of governmental policies" (dlm. Abrasian G, 1970: 9)

Kesimpulan yang dapat dimengertikan berhubung istilah *pemikiran politik* dalam konteks kajian ini ialah suatu fikiran atau idea yang berhubung-kait dengan cita-cita politik individu pra merdeka yang disebar atau dipancarkan melalui novel. Tujuannya ialah untuk mengantikan sistem pemerintahan penjajah.

1.5.2 Novel Politik

Pemikiran politik lazimnya terkandung di dalam karya ilmiah atau akademik. Namun para sarjana sastera berpendapat bahawa pemikiran politik juga wujud dalam karya sastera terutama novel politik. Novel politik ialah novel yang memancarkan idea politik secara dominan atau politik dijadikan latar yang dominan. Maksud dominan itu diterangkan oleh Irving Howe begini:

...since the word "dominant" is more than a little questionable. Perhaps it would be better to say: a novel in which we take to be dominant political ideas or political milieu, a novel which permits this assumption without thereby suffering any radical distortion and, it follows, with the possibility of some analytical profit (Howe, 1967:19).

Manakala sarjana Barat, Morris Edmund Speare dalam bukunya *The Political Novel, Its Development in England and America* menyatakan bahawa novel politik ialah cereka prosa yang lebih memberatkan idea daripada emosi dan tujuan sang pengarang

untuk tujuan propaganda parti, reformasi awam atau eksposisi kehidupan tokoh-tokoh tertentu yang menerajui sesebuah kerajaan (Gordon Milne, 1972: 4).

Manakala sarjana tempatan, Ahmad Kamal Abdullah et al dalam *History of Modern Malay Literature Volume II* pula mentafsirkan novel politik sebagai wadah membicarakan corak politik kebangsaan dan aktivis politik yang berkecimpung dalam sesuatu organisasi parti politik. Beliau menekankan bahawa *political novels on the other hand are novels which discuss the pattern of national politics and political figures who are involved in the political parties* (1992 : 237). Ini bermakna sebuah novel politik itu harus membicarakan perihal kegiatan politik partisan bercorak nasional yang membabitkan sekali dengan penglibat politik itu sendiri.

Walau bagaimanapun, definisi novel politik yang agak lengkap ialah pengertian yang dirumuskan oleh Gordon Milne yang mengambil pandangan dan tanggapan beberapa orang sarjana. Beliau berpendapat bahawa;

H.A.L. Fisher confines himself to saying the political novel concerns itself with men and women engaged in contemporary political life and discussing contemporary political ideas, and William B. Dickens accepts this definition, with the elimination of word "contemporary".

Joseph Blotner designates the type as "a book which directly describes, interprets or analyses political phenomena", which as Irving Howe declares to it be one political ideas play a dominant role or in which the political milieu is the dominant setting (The American Political Novel 1972: 4-5)

Daripada definisi dan tafsiran di atas, jelas yang perlu ada pada sesebuah karya novel politik ialah kehadiran idea politik dalam *milieu* politik. Tentunya dari segi struktur

dan bentuk, kebanyakan novel politik seperti anggapan Gordon Milne tidak artistik, bentuknya deskriptif, bernada retorika, mempunyai plot yang terlalu manipulatif, berwatak “*to fit the thesis*” dan gaya atau stylinya “*pedestrian*” (Abdullah Tahir, 1988: 21).

1.5.3 Teks Sosial atau Teks Luaran

Pengertian teks sosial atau teks luaran ini merangkumi pengalaman pengarang sama ada dari aspek sejarah, moral, budaya, kepercayaan, ideologi dan sebagainya. Teks sosial merupakan sumber rujukan penting dalam kajian ini kerana sesebuah karya tidak dapat dipisahkan dengan teks sosial (Mana Sikana 1990: 105-106) yang saling membantu bagi memahami mesej. Apatah lagi karya sastera itu boleh mencerminkan diri pengarangnya. Tingkah laku atau tabiat watak-watak dalam novel dapat mendedahkan tingkah laku atau tabiat penulis novel itu sendiri (Koh Young Hoon 1996:18).

Dalam konteks kajian, latar belakang pengarang, senario dan sejarah kebangkitan semangat nasionalisme, aksi kolonial, reaksi terhadap penjajah Inggeris dan Jepun serta susur-galur kemunculan sosialisme di negara ini akan diteliti dan dihubung-kaitkan dengan dapatan daripada teks kajian dengan menggunakan teori intertekstualiti yang menekankan bahawa teks dalaman seperti estetik, imaginatif dan ilusi dalam sesebuah novel mempunyai perkaitan erat dengan teks sosial.

Secara umumnya, tafsiran pemikiran politik, novel politik dan teks sosial seperti yang diuraikan diatas merupakan justifikasi atau garis panduan utama dalam menganalisis dan mengupas persoalan atau permasalahan kajian.

1.6 GELINTIRAN KESUSASTERAAN (*literature review*)

Banyak kajian hanya membicarakan latar belakang dan perjuangan politik Ahmad Boestamam baik dalam bentuk buku, eseи, kertas kerja, tesis dan sebagainya berbanding mengupas secara khusus mengenai pemikiran politik yang terpancar dalam novel-novelnya. Sehingga kini kajian mengenai topik tersebut di peringkat pengajian ijazah M.A ataupun Ph.D belum dilakukan meskipun penyelidikan terhadap biografi dan peranan beliau dalam sejarah politik Malaysia sudah banyak diusahakan oleh para penulis, pengkaji dan sarjana.

Ramlah Adam, umpamanya menulis buku bertajuk *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik* (1994) jelas sekali memperlihatkan bahawa penonjolan terhadap tokoh ini langsung tidak dilibatkan dengan pemikiran serta karya sastera ciptaannya. Bagi Ramlah, karya-karya Ahmad Boestamam tidak bermutu (picisan) untuk dijadikan kajian terutama novel ciptaan beliau tidak mempunyai nilai sastera yang tinggi meskipun Ahmad Boestamam merupakan seorang sasterawan yang popular (1994: 356). Pendapat Ramlah tidaklah menjadi suatu halangan kerana skop kajian hanya menumpukan analisis terhadap mesaj pemikiran politik yang terkandung dalam novel-novel Ahmad Boestamam sahaja bukan menilai tahap ketinggian mutu sastera.

Namun begitu pandangan Ramlah sebagai profesor sejarah tidak seiring dengan sarjana sastera tempatan yang menganggap Ahmad Boestamam seorang novelis prolifik pada dekad 60-an yang berjaya menghasilkan sebanyak 11 buah novel. Salah sebuah novelnya berjudul *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) dianggap sebagai *His most successful novel* oleh Ahmad Kamal Abdullah et al kerana kekuatan novel berkenaan

berjaya mengangkat beberapa isu yang relevan secara mendalam dalam konteks sezaman.

Beliau berpendapat:

The strength of this novel, firstly, lies on the issues raised. The writer succeeds in depicting the issues in a livelier and more consistent way because the issues is closer and in fact directly related to the life of the novelist as a politician. His vast knowledge and experience in politics is fully focused with amore accurate and suitable actions of characters; in this way, the characters could be highlighted as having played its own role in a casual manner without the involvement of writer. Furthermore, the author manages to show a lively use of language; all of these manage to engender a poetical feeling to the readers. In short, if seen generally, the novel "Garis Hitam Membelah Langit" brings growth not only in the exposure and the selection of themes, but also in the matter of style or techniques of presentation, especially if compared to other novels written previously by Ruhi Hayat (History of Modern Malay Literature Volume II 1992: 236)

Nyata sekali pandangan Ramlah agak bias terhadap Ahmad Boestamam. Padanya Ahmad Boestamam gagal dalam penciptaan novel tetapi sebaliknya David J. Banks dalam bukunya *From Class to Culture: Social Conscience in Malay Novels Since Independence* (1987: 70) menganggap *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) sebagai a satirical election novel yang menceritakan jatuh bangun Parti Demokrat.

Manakala Rohani Zainal Abidin yang membuat kajian berjudul “Ahmad Boestamam: An Annotated Bibliography of Writings by Him and About Him, 1947-1950” (1974) sebagai disertasi M.A di University Collage, London juga memfokuskan mengenai perjuangan politik beliau. Begitu juga latihan ilmiah (Universiti Malaya) Abdul Rahman Md. Yusuf yang bertajuk “Ahmad Boestamam, Ahli Politik, Wartawan dan Sasterawan” (1977) hanya mengkaji tentang sumbangnya terhadap ketiga-tiga bidang yang diceburi Ahmad Boestamam.

Hakikatnya, Zakry Abadi membuat kesimpulan yang menarik mengenai pencapaian Ahmad Boestamam dalam ketiga-tiga bidang: kewartawanan, politik dan sastera dalam ruangan “Apa Kata Sasterawan Terhadap Sasterawan” yang berpendapat:

Dia menulis lebih dulu dari Usman Awang, Shahnon Ahmad dan A. Samad Ismail. Begitu juga dia berpolitik lebih dulu dari Tunku, Tun Abdul Razak atau Tun Ismail, tetapi kegiatannya yang dulu-dulu itu hanya memberikan taraf kepadanya satu tokoh yang besar, tetapi dari segi pencapaian kejayaan dia belum berhasil menjadi Usman Awang, Shahnon Ahmad, Samad Ismail atau Tunku, Tun Abdul Razak dan Tun Ismail (*Mastika*, Ogos 1972: 18-27).

Kebenaran pandangan Zakry Abadi itu tidak dapat disangkal lagi kerana soal kejayaan dan pengiktirafan diluar bidang kuasa seseorang. Allah s.w.t yang menentukannya. “Kun Faya Kun”, Kata Allah – jadi, maka jadilah ia! Namun pengiktirafan tidak penting, apa yang lebih dipentingkan ialah kepakaran beliau menyemaikan pemikiran politik dalam novel-novelnya terutama yang dihasilkan pada era 50-an dan 60-an. Abdullah Tahir dalam hal ini turut mengakui kepakaran Ahmad Boestamam. Terangnya:

Sejauh mana beliau menyemaikan ideologi itu dan sejauh mana ideologinya dapat mempengaruhi pembaca sukar untuk disukat. Tetapi kecekapan yang ada pada Boestamam ialah kecekapan mencipta fiksyen, sehingga tidak menimbulkan kecurigaan malah tidak ditakuti oleh pemerintah (*Dewan Sastera*, Julai 1988: 28).

Ahmad Boestamam walaupun tidak dapat digelar sebagai pemikir politik kerana tidak pernah melahirkan buku-buku bercorak falsafah politik tetapi komitmen berterusan dengan dunia politik meletakkan beliau sebagai seorang pejuang politik yang menyakini fahaman sosialis. Kasmah Che’ Husin menyifatkan Ahmad Boestamam sebagai berikut:

Semasa hayatnya novelis Ahmad Boestamam terkenal sebagai seorang penganut sosialis dan sekaligus membenci fahaman Fasis dan kapitalis. Kebencian dan kurang setuju dengan ideologi ini sering terdapat di dalam novel-novelnya. Sebab itu tidak hairanlah sampai saat kematiannya beliau masih menjadi salah seorang ahli Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PRSM) yang berfahaman sosialis(1987: 143).

Hal ini dapat dibuktikan berasaskan penyelidikan S. Othman Kelantan (1997:209) ke atas *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) yang mendapati watak Rusman digambarkan sebagai seorang ahli politik kiri penganut sosialis praktikal yang pernah dipenjara oleh kerajaan selama tujuh tahun dan sangat mempercayai seorang wartawan *Daily News* bernama Lam Pang Sai yang didakwa oleh S. Othman Kelantan sebagai jelmaan peribadi Ahmad Boestamam sendiri.

Sehingga kini kajian berkaitan dengan Ahmad Boestamam yang dihasilkan oleh mahasiswa pelbagai universiti agak terbatas. Di UKM sepanjang sesi 1987-1998 hanya terdapat dua LI yang menganalisis sumbangannya terhadap politik dan sastera dengan menjadikan novel-novel beliau sebagai sampel kajian. Misalnya, Paridah Mamat (1987) mengkaji tentang “Pemikiran Politik Ahmad Boestamam” manakala Fatimah Mohd Amin (1989) menyelidik “Unsur-unsur yang mempengaruhi penghasilan Novel-novel Ruhi Hayat”. Di UM selain Kasmah Che’ Husin (1986) dan Abdul Rahman Md. Yusof (1977) yang mengkaji Ahmad Boestamam sebagai ahli politik, wartawan dan sasterawan”. Ini bermakna tiada satupun disertasi atau tesis yang mengkaji pemikiran politik di dalam novel-novel beliau.

Walau bagaimanapun, ini berbeza dengan golongan sarjana dan pengkritik sastera tempatan, banyak menyelidiki sumbangan Ahmad Boestamam terutama dalam bidang sastera daripada pelbagai perseptif dan sudut pandangan. Tulisan mereka adalah berbentuk csc, rencana atau kertas kerja. Antaranya Abdullah Tahir (1985) "Sastera Sebagai Pengucapan Politik: Tumpuan Khusus kepada Novel" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pengajian Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan di Universiti Malaya, 23-25 September); Abdullah Tahir (1988) "Pemikiran Politik dalam Novel-novel Ahmad Boestamam dan A. Samad Ismail" dalam *Dewan Sastera*, Julai: 21-28; Affandi Hassan (1967) "Konfrontasi, Ruhi Hayat, Tidak ada Nilai Sastera" dalam *Utusan Zaman*, 11 Jun; A. Teeuw (1965) "Ruhi Hayat Perlu Diberi Perhatian dalam Sastera Melayu Moden" dalam *Berita Minggu*, 14 November dan Yahya Ismail (1966) menulis "Kembang di Taman Layu di Tangan Karya Ruhi Hayat" dalam *Dewan Bahasa*, November: 505-507) dan "Cerita Hitam Membelah Langit" dalam *Dewan Bahasa*, September: 403-405); "Konfrontasi Ada Keistimewaan" dalam *Berita Minggu* (11 Jun 1967) serta "Ruhi Hayat Kemukakan Kisah Cinta yang Aneh" dalam *Berita Minggu* (31 Mei 1970).

Namun tidak kurang juga kertas kerja, rencana, eseи mengenai diri Ahmad Boestamam yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan seperti Abdul Samad Idris (1983) bertajuk "Boestamam Berjuang Menebus Maruah Negaranya" (kertas kerja), Baharudin C.D. (1983) "Ahmad Boestamam: Putera Besar Tanah Air" dalam *Dewan Sastera*, April: 52; Fuad Hashim (1983) "Dia Yang Pergi" dalam *Dewan Sastera*, Februari: 41; Kasim Ahmad (1983) "Ahmad Boestamam Dalam Kenangan" dalam *Nadi Insan*, Mac: 16; Keris Mas (1983) "Ahmad Boestamam Yang Jangan Dilupakan" dalam *Dewan Sastera*, Februari: 25; Khoo Kay Kim (1983) "Satu Era Dalam Politik Malaysia Sudah Tamat" dalam *Mingguan Malaysia*, 23 Januari; Sarah Sadon (1983) "Ahmad Boestamam Telah Menutup

Pandangan” dalam *Dewan Sastera*, Februari: 9; Talib Samat (1990) “Ahmad Boestamam: Penulis, Sasterawan dan Pejuang Kemerdekaan” dalam *Fokus*, Mac: 42-44 dan Zabidin Haji Ismail (1996) “Dato’ Ahmad Boestamam: Wartawan, Sasterawan dan Pejuang Kemerdekaan” dalam *Titian Mesra*, Julai: 20.

Penjelasan dan huraian di atas jelas menunjukkan bahawa penyelidik tempatan lebih menumpukan penglibatan Ahmad Boestamam dalam perjuangan politik tanah air daripada mengangkat topik pemikiran politik yang terkandung dalam novel-novel karya beliau sebagai bahan kajian ilmiah dan akademik.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Lantaran kajian ini berkait rapat dengan fakta dan peristiwa yang difiksyenkan dan ia mendasari keseluruhan penyelidikan maka kajian kualitatif dan deskriptif dengan menggunakan gabungan kaedah analisis isi kandungan dan perpustakaan dipilih sebagai alat kajian.

Kaedah analisis isi kandungan sesuai untuk menjawab persoalan kajian 1.2.1⁶ malahan dapatan daripada kaedah ini boleh juga digunakan bagi menyokong hujah ketika membuat analisis pemikiran politik secara deskriptif dan analitikal yang digabungkan dengan kaedah perpustakaan bagi menyimpulkan persoalan kajian 1.2.2 dan 1.2.3⁷ supaya lebih mantap dan berwibawa.

⁶ Lihat hlm. 10

⁷ Lihat hlm. 10

1.7.1 Kaedah Analisis Isi Kandungan

Kaedah ini merupakan satu teknik untuk mengkaji komunikasi lahiriah (bermaksud mesej yang tersurat) yang dilakukan secara objektif, sistematik dan kuantitatif dengan mengkaji makna sesuatu mesej itu yang dilontarkan oleh penutur bahasa (Berelson 1952). Sementara Budd et al (1967) pula berpendapat bahawa analisis isi kandungan mengkaji bahan komunikasi yang memberikan makna tersirat dalam sesuatu mesej.

Sehubungan itu, kefahaman jelas mengenai kaedah tersebut diuraikan oleh Singleton et al (1988) dengan menyatakan bahawa tujuan kajian analisis isi kandungan ialah menentukan satu kriteria yang sistematik dan objektif bagi mengubah bahan bertulis dan unsur-unsur tampak kepada data kuantitatif yang tinggi kesahannya.

Set kaedah ini mengandungi beberapa langkah bermula dari menentukan persoalan kajian hingga ke peringkat menganalisis data. Menurut Stempel (1981) bagi menjalankan kaedah tersebut terdapat empat langkah utama iaitu pemilihan unit analisis, pembentukan pembolchubah (kategori), pensampelan dan keboleh-percayaan koding.

Manakala Mohd Dhari (1999) menetapkan sebanyak 13 langkah bagi menentukan keobjektifan kajian. Langkah-langkah yang dimaksudkan Dhari adalah termasuk apa yang dinyatakan oleh Stempel selain menambah beberapa perkara lagi seperti tujuan, bahan kajian, koding, sampel, analisis data dan laporan hasil kajian. Namun begitu bagi konteks kajian ini pengkaji hanya menghuraikan lima tahap utama yang diperlukan sahaja iaitu:-

1.7.1.1 Mendapatkan Sampel Untuk Dikaji

Pemilihan sampel adalah untuk mendapatkan data mentah. Menurut Kish (1965: 29) sampel bertujuan [*purposive sampling*] digunakan oleh pakar untuk memilih sebahagian populasi. Pandangan Kish akan diambil kira dalam memilih persampelan tersebut. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengandaikan populasi yang dimaksudkan Kish merupakan kesemua 19 buah novel Ahmad Boestamam⁸. Sampel kajian ini ialah sepuluh buah novel Ahmad Boestamam yang dikesan mempunyai aspek atau mesej pemikiran politik daripada jumlah yang disebutkan itu.

1.7.1.2 Pembinaan Pembolehubah (kategori) dan Pemungutan Data

Pengumpulan data pula menggunakan borang koding⁹ berdasarkan kategori-kategori yang telah dibentuk yang berpandukan kepada objektif kajian (Mohd. Dhari 1999: 38) yang berdasarkan tiga aspek pemikiran politik iaitu nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme.

Selanjutnya pengkaji membentuk unit analisis yang relevan dengan pembolehubah atau kategori bagi proses pengumpulan data. Contohnya dalam kategori nasionalisme pengkaji memilih “perjuangan politik tanah air” dan “negara bangsa”. Bagi pembolehubah anti-kolonialisme, unit analisis yang dipilih ialah “anti British” dan “anti Jepun” manakala untuk kategori sosialisme adalah “prinsip dan perjuangan”, “isu kontemporari”, “isu parti politik” dan “gagasan ideologi negara”. Pembentukan unit analisis ini bergantung kepada

⁸ Lihat Apendiks A hlm. 183

⁹ Lihat Instrumen Penyelidikan A hlm. 181

apa yang hendak dikaji selaras dengan konsep yang diutarakan oleh Wimmer Dominick (1991: 164-165).

Ketika pembentukan unit analisis ini pengkaji menekankan konsep kesignifikan dengan melakukan beberapa kali pemberian bagi meningkatkan mutu unit analisis dan ia berjalan sepanjang proses pengumpulan data. Proses pengubah-suaian kerap dilakukan supaya bersesuaian dengan objektif kajian.

Semua unit analisis tersebut diberikan kod-kod tertentu bagi memudahkan pengumpulan data. Kod seperti 01, 02, 03, 04¹⁰ direka khas dan digunakan untuk mendapatkan jumlah kekerapan serta pengenal-pastian muka surat yang mengandungi mesej pemikiran politik (pembolehubah/ kategori). Data yang diperolehi akan dipindahkan ke borang pengumpulan data¹¹

Melalui borang pengumpulan data pengkaji akan mengetahui jumlah halaman yang mengandungi pemikiran politik bagi setiap novel. Peratus serta jumlah halaman novel yang memaparkan mesej pemikiran politik dengan mudah dikesan berdasarkan teknik tersebut. Halaman yang dikenal-pasti itu dapat dijadikan rujukan dan memudahkan ambilan petikan contoh mesej-mesej pemikiran politik ketika membuat analisis.

¹⁰ Lihat Instrumen Penyelidikan A hlm. 181

¹¹ Lihat Instrumen Penyelidikan B hlm. 182

1.7.1.3 Mengkoding Data

Bagi memudahkan pengkoding data, unit analisis adalah asas kepada perkiraan dalam menentukan ciri-ciri isi kandungan yang dikaji (Mohd. Dhari 1999: 33) dan ia membantu melihat unsur-unsur yang terkandung dalam sampel kajian serta memandu pengkaji ketika membuat perbincangan supaya tidak lari daripada ruang lingkup kajian.

1.7.1.4 Menganalisis Data

Pada tahap ini, pengkaji mempersempitkan analisis data yang berasaskan tafsiran konsep yang terkandung dalam kajian. Data yang dikod akan disaringkan melalui proses membanding dan membezakan yang “ekstrim” dengan “perbezaan utama” dalam setiap kategori. Kemudian data-data tersebut dianalisis mengikut jumlah kekerapan halaman novel. Kerja-kerja menganalisis dilakukan secara manual kerana ia tidak begitu kompleks. Melalui unsur-unsur kuantitatif yang diperolehi, persoalan yang dikemukakan dapat dijawab sekaligus memenuhi kehendak objektif kajian.

1.7.1.5 Laporan Kajian

Hasil penemuan kuantitatif ini akan dilaporkan melalui pendekatan penyelidikan sains sosial secara kualitatif dan deskriptif . Jadi, asas analisis akan berlandaskan dapatan daripada unsur-unsur kuantitatif yang disokong dengan dapatan daripada kaedah perpustakaan bagi memantapkan hujah.

1.7.2 Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan turut digunakan sebagai alat kajian. Kaedah ini dapat membantu pengkaji bagi memperolehi maklumat yang berkaitan dengan topik kajian. Sehubungan itu, pengkaji akan menggunakan bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan bagi memperolehi maklumat-maklumat untuk dijadikan bahan kajian.

Perpustakaan yang menjadi tumpuan pengkaji ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Peringatan Za'ba (PPZ), di Jabatan Pengajian Melayu, UM, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pusat Sumber Jabatan Sains Politik, UKM, Perpustakaan Negara, Arkib Negara Malaysia dan Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta laman web. Bahan-bahan yang akan dirujuk oleh pengkaji meliputi buku, majalah, akhbar, rencana, kertas kerja, jurnal, latihan ilmiah, disertasi dan tesis.

Bahan-bahan yang dirujuk adalah berkaitan dengan dunia kesusasteraan Melayu serta sains politik. Teori-teori sains politik adalah asas penting bagi pengkaji memahami pemikiran politik yang terkandung dalam teks kajian. Di samping itu, bahan yang berkaitan terutamanya dari segi sejarah atau latar belakang kemunculan nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme serta pengalaman pengarang dalam bidang kewartawan, politik dan penulisan yang dilalui Ahmad Boestamam merupakan sumber penting untuk dijadikan bahan kajian.

1.7.3 Pendekatan Kajian

Kedua-dua kaedah yang digunakan itu adalah sebagai alat kajian bagi memperolehi maklumat, namun pengkaji akan mengeksploritasikan gabungan pendekatan tekstual dan kontekstual bagi membuat analisis, huraian dan kupasan kajian. Pendekatan tekstual bermaksud mengkaji unsur-unsur dalaman yang terdapat dalam teks kajian untuk mengenal-pasti kewujudan pemikiran politik. Pendekatan ini akan dibantu oleh teori-teori sains politik.

Manakala pendekatan kontekstual pula dertiakan menyelidik, mengkaji dan meneliti teks sosial yang relevan dengan persoalan kajian. Rujukan terhadap teks sosial amat penting bagi melihat korelasi penemuan daripada teks kajian khususnya yang berkaitan dengan scenario atau latar belakang kemunculan nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme serta keterlibatan Ahmad Boestamam dalam kancah politik negara. Pendekatan ini amat sesuai bagi menjawab persoalan kajian 1.2.3.

Gabungan kedua-dua kaedah penyelidikan adalah bertujuan untuk mendapatkan data primer dan sekunder yang amat diperlukan bagi membuat satu analisis mantap dan komprehensif. Kedua-dua kaedah ini dipilih kerana menawarkan beberapa kelebihan; pertama; mudah untuk mengumpul data yang relevan kerana data telah sedia ada. Kedua; menjimatkan kos, masa dan tenaga. Ketiga; kaedah-kaedah ini paling sesuai dan memenuhi kehendak objektif dan persoalan kajian berbanding dengan kaedah penyelidikan lain seperti temubual, soal selidik atau tinjauan.